



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN ISNIN, 11 MAC 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



11/3/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	KPWKM PERKASA WANITA MELALUI LATIHAN DIGITAL, KEUSAHAWANAN		POSITIF
	https://www.sinarharian.com.my/article/716797/berita/nasional/kpwkm-perkasa-wanita-melalui-latihan-digital-keusahawan	SINARHARIAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	WOMEN-ONLY FLEXIBLE HOURS MAY BACKFIRE, FORUM TOLD		POSITIF
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/03/10/women-only-flexible-hours-may-backfire-forum-told/	FREEMALAYSIATODAY.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	JKM AMBIL ALIH JAGAAN 9 KANAK-KANAK DIKAIT DENGAN GISBH		POSITIF
	https://www.buletintv3.my/nasional/jkm-ambil-alih-jagaan-9-kanak-kanak-dikait-dengan-gisbh/	BULETINTV3.MY	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/03/10/jkm-jaga-9-kanak-kanak-dikait-gisbh-hingga-18-tahun-kata-nancy/	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/03/1370607/jkm-ambil-alih-jagaan-sembilan-kanak-kanak-dikait-dengan-gisbh	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/03/1186111/social-welfare-department-takes-over-custody-9-gisb-linked-children	NST.COM.MY	
	https://www.youtube.com/watch?v=4gNIY8iKv-k	YOUTUBE	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	KERAJAAN MADANI PERUNTUK RM6 JUTA TAWAR RAWATAN KESUBURAN PERCUMA KEPADA 1,300 PASANGAN		POSITIF
	https://negerikita.org/kerajaan-madani-peruntuk-rm6-juta-tawar-rawatan-kesuburan-percuma-kepada-1300-pasangan/	NEGERIKITA.ORG	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



11/3/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	2,000 ANGGOTA APM DIGERAK BANTU MANGSA BANJIR SABAH, SARAWAK		POSITIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/03/1195353/2000-anggota-apm-digerak-bantu-mangsa-banjir-sabah-sarawak	HMETRO.COM.MY	
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2400774	BERNAMA.COM	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/03/10/floods-2000-civil-defence-personnel-deployed-to-assist-in-sabah-sarawak	THESTAR.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	APM TAMBAH SYIF, MANTAPKAN KAWALAN SEPANJANG RAMADAN		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/apm-tambah-syif-mantapkan-kawalan-sepanjang-ramadan	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/03/1195392/apm-pantau-73-lokasi-hotspot-sepanjang-ramadan	HMETRO.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/716868/berita/semasa/apm-tambah-syif-pantau-73-hotspot-di-seluruh-negara	SINARHARIAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	53,000 OKU BERDAFTAR DI KELANTAN		POSITIF
	https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2401025	BERNAMA.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	JOHOR REAFFIRMS COMMITMENT TO ELIMINATE Hardcore POVERTY IN THE STATE BY MARCH		POSITIF
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/03/10/johor-reaffirms-commitment-to-eliminate-hardcore-poverty-in-the-state-by-march	THESTAR.COM.MY	



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



11/3/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
9	DOKTOR BERKELAKUAN TIDAK SENONOH DITAHAN SEMULA SUSULAN LAPORAN POLIS KETIGA		NEGATIF
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/doktor-berkelakuan-tidak-senonoh-ditahan-semula-susulan-laporan-polis-ketiga-511848	ASTROAWANI.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



KPWKM perkasa wanita melalui latihan digital, keusahawanan



MOHD FAIZUL HAIKA MAT KHAZI

Follow

10 Mac 2025 09:10am



Nancy Shukri

SHAH ALAM - Seramai 17,290 suri rumah telah mendapat manfaat dan mampu menjana pendapatan sendiri selepas menyertai 734 Program Pembangunan Kapasiti dan Latihan Keusahawanan anjuran Jabatan Pembangunan Wanita pada tahun lalu.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK), Datuk Seri Nancy Shukri berkata, program itu merupakan bukti Kerajaan Madani dan kementerian terus komited memperkasa wanita melalui pelbagai program latihan dan pembangunan kemahiran, termasuk dalam bidang digital dan keusahawanan.

Menurutnya, program berkenaan telah berjaya meningkatkan kapasiti wanita melalui kursus dan latihan, memberi bimbingan mengenai pengurusan kewangan serta menggalakkan penyertaan dalam bidang keusahawanan.

"Sebagai contoh, Program Penjana Pendapatan yang dilaksanakan di tujuh negeri iaitu Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak dan Kuala Lumpur berjaya membantu 223 peserta meningkatkan pendapatan mereka.

"Purata pendapatan peserta sebelum menyertai program adalah antara RM501 hingga RM1,000 sebulan, namun majoriti peserta kini memperoleh lebih RM2,500 selepas mengikuti program tersebut," katanya kepada Sinar Harian.

Berikutan itu, Nancy berkata, JPW akan memperluaskan Program Pemerksaan Ekonomi Wanita untuk meningkatkan pendapatan golongan sasaran termasuk ketua isi rumah, ibu tunggal dan suri rumah, pada tahun ini. Katanya, program berkenaan turut menyokong agenda 'Ekonomi Madani' yang menyasarkan kadar penyertaan tenaga buruh wanita mencapai 60 peratus.

"Kita juga memperkenalkan Program Ekonomi Pembangunan Mampan (OMEGA) untuk membantu wanita menjana pendapatan melalui penghasilan produk komersial daripada bahan terpakai.

"Tahun lalu, seramai 54 wanita daripada golongan B40 di Kedah dan Johor telah menyertai program ini dengan peningkatan ketara dalam pendapatan mereka," katanya.

Ujarnya, KPWK turut melaksanakan program Wanita Gig and Business in Technology (Gig@BIT) yang memberi peluang kepada wanita untuk menjana pendapatan menerusi teknologi digital dalam usaha mendukung peralihan wanita ke dalam sektor berkenaan.

"Program ini telah memberikan manfaat kepada 272 peserta secara fizikal dan 1,139 secara dalam talian. Ia juga mendapat penglibatan tinggi di media sosial dengan tontonan mencecah 160,523 dan lebih 2,900 tanda suka," jelasnya.

Gig@BIT dilaksanakan dengan kerjasama syarikat seperti Sea Limited (ibu syarikat Shopee), Pusat Pembangunan Reka Bentuk Malaysia (DDEC) dan Malaysian Digital Economy Corporation (MDEC).

Peserta didedahkan kepada bidang e-dagang, keselamatan dalam talian serta peluang kerjaya dalam sektor digital.

Mengulas lanjut, Nancy berkata, KPWK merancang untuk terus memperkasakan wanita dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) bagi memastikan penyertaan lebih meluas dalam tenaga kerja masa hadapan.

"Kami percaya bahawa dengan penyediaan ekosistem yang menyokong, lebih ramai wanita akan dapat menjana pendapatan yang mampan dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

"Dengan pelbagai inisiatif yang dirangka, KPWK terus menjadi peneraju dalam memperkasakan wanita ke arah kemajuan ekonomi dan kesejahteraan sosial yang lebih mampan," kata beliau.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Women-only flexible hours may backfire, forum told

Minderjeet Kaur and Alysha Edward - 10 Mar 2025, 11:00 PM

While companies may have good intentions, they must be careful that such policies do not shift the burden of caregiving entirely onto mothers, says panellist.

Most

1



Panellists at the forum organised by the United Nations and the Finnish embassy in Kuala Lumpur in conjunction with International Women's Day.

KUALA LUMPUR: While more companies are introducing flexible working hours to support women juggling careers with family responsibilities, such policies could reinforce traditional gender roles and overburden women if they are applied exclusively to them.

The managing partner of consulting firm Speak Up Malaysia, Emellia Shariff, said although flexible work arrangements are crucial for increasing women's participation in the workforce, limiting such policies to women could backfire.



Emellia Shariff.

Emellia said while companies may have good intentions, they must be cautious about such policies as they could shift the burden of caregiving entirely onto women.

"If only women are given flexible working hours, some men will say that since they don't (get the same benefits), they can't pick up the children or do housework," she said at an International Women's Day forum here today.

"This leaves women with even more responsibilities at home."

The forum, organised by the United Nations and the Finnish embassy in Kuala Lumpur, was themed For All Women and Girls in Malaysia: Rights, Equality, and Empowerment.

World Bank senior economist Shakira Teh Sharifuddin said corporate gender quotas, such as having a percentage of women in leadership roles, can sometimes result in burdening a company.

"While that is fair to a certain extent, when we think about it, we have to be careful," she said.

"When we push for numbers, policy-making becomes about chasing those numbers."

For instance, Shakira said, if the government sets a target for women's workforce participation, companies may meet it by hiring women with fewer caregiving responsibilities or from privileged backgrounds, making the policy "somewhat meaningless".



Shakira Teh Sharifuddin.

The Malaysian Code on Corporate Governance 2021 has extended its target of achieving 30% women on boards to all companies. It was previously applicable only to large companies.

Visually impaired lawyer Amanda Kong said policymakers need to understand the needs of the disabled community.



Amanda Kong.

"We need to understand what the community requires, like education. You (government) need to provide accessible education and jobs to accommodate them," she said.

Kong, who is a community development manager with the Make it Right Movement (MIRM), also said some members of the disabled community do not register themselves with the social welfare department to prevent stigma against them.

"People are reluctant because they will be put in a box (stigmatised).

"Because of this, a lot of people do not get their disability cards for government aid or they hide away their disabled children," she said, adding that more awareness needs to be created so that they feel included.

MIRM is a CSR initiative by Brickfields Asia College that champions community causes both locally and globally.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



JKM ambil alih jagaan 9 kanak-kanak dikait dengan GISBH

10 Mac 2025, 10:00am



PUTRAJAYA: Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) akan mengambil alih penjagaan tetap, sembilan kanak-kanak yang dikaitkan dengan GISB Holdings Sdn Bhd (GISBH) sehingga mereka berusia 18 tahun.

Menteri Pembangunan Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, JKM mendapat hak itu selepas mahkamah mengeluarkan perintah tetap untuk mereka terus berada di bawah jagaan dan perlindungan jabatan itu.

“Ini kerana tiada siapa termasuk ibu bapa yang tampil untuk mengambil mereka. Oleh itu, JKM akan mengambil tanggungjawab menjaga sehingga berusia 18 tahun,” katanya kepada BH.

Media sebelum ini melaporkan seramai 660 kanak-kanak diselamatkan dalam Op Global dengan 560 daripada mereka mendapat perintah interim mahkamah untuk penjagaan dan perlindungan sementara di bawah JKM bermula September hingga Disember tahun lalu.

Nancy berkata, secara keseluruhan sehingga kini hanya tinggal 10 daripada keseluruhan 560 orang kanak-kanak yang masih berada di bawah perlindungan JKM.

Beliau berkata, ia bermakna sebahagian besar kanak-kanak ini sudah diserahkan kepada keluarga masing-masing.

“Sementara baki seorang lagi masih berada dalam perintah interim dan sekiranya Mahkamah Bagi Kanak-kanak berpuas hati boleh menyerahkan mereka kepada keluarga. Ia tertakluk kepada perintah mahkamah yang diputuskan oleh majistret.

“JKM percaya anak selamat berada dengan mak ayah, namun perlu juga dilihat dari aspek kemampuan ekonomi. Ini kerana kita mahu anak ini terjaga dari segi fizikal dan mental serta tidak diabaikan,” katanya.

Nancy berkata, sebelum kanak-kanak ini diserahkan kepada keluarga, mereka diberikan syarat tambahan berdasarkan Subseksyen 30(8) Akta Kanak-Kanak 2001.

Katanya, ia bertujuan melindungi kanak-kanak ini antaranya membatalkan pemakluman alamat, tidak berlaku perbuatan penganiayaan dan penderaan dan memastikan anak mereka mendapat pendidikan formal sewajarnya.

“Selain itu, ibu bapa atau penjaga juga perlu mengikuti bengkel interaktif dibuat pegawai psikologi JKM selain perlu hadir ke jabatan setiap tiga bulan bagi tujuan pengawasan.

“Kita juga tidak membenarkan kanak-kanak ini dijadikan bahan kandungan (content) media sosial. Semua syarat ini adalah berasas,” katanya.

Beliau berkata, JKM akan bekerjasama dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Kementerian Pendidikan (KPM) bagi memastikan kanak-kanak ini berdaftar serta belajar di sekolah.

Katanya, kerjasama dengan JAKIM pula adalah membatalkan aspek pemulihan akidah keluarga kanak-kanak ini.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Kerajaan MADANI peruntuk RM6 juta tawar rawatan kesuburan percuma kepada 1,300 pasangan

Faiz Abdullah



PULAU PINANG: Peka terhadap penurunan Kadar Kesuburan Jumlah (Total Fertility Rate), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) mengambil inisiatif melancarkan Bantuan Rawatan Kesuburan dan Advokasi Infertiliti (BuAI) di Dewan Pavillion, Pusat Keluarga LPPKN Pulau Pinang.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Nancy Shukri telah menyempurnakan pelancaran tersebut.

Nancy berkata, Kerajaan MADANI telah memperuntukkan sejumlah RM6 juta melalui Belanjawan 2025 bagi membiayai dua kitaran rawatan kesuburan IUI kepada 1,300 pasangan yang layak secara percuma dan kempen advokasi infertiliti.

"Inisiatif ini dilaksanakan bagi meningkatkan aksesibiliti dan kemudahan kepada pasangan berpendapatan isi rumah kurang RM10,000 dan tidak pernah mendapat sebarang bantuan kewangan daripada mana-mana agensi untuk menjalani rawatan Peranian Beradas (IUI).

"Kos rawatan Peranian Beradas (Intrauterine Insemination, IUI) di Pusat Subfertiliti Swasta dianggarkan antara RM2,000 – RM3,000 bagi satu kitaran rawatan," kata Nancy.

Turut hadir, Ketua Setiausaha KPWKM, Dato' Dr. Maziah Che Yusoff; Pengerusi LPPKN, Dato Sri Rohani Abdul Karim; Timbalan Pengerusi LPPKN, Juwairiya Zulkifli dan Ketua Pengarah LPPKN, Abdul Shukur Abdullah.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



APM tambah syif, mantapkan kawalan sepanjang Ramadan

Nasional - Dicipta: 10 Mac 2025 09:04 PM - Kemas kini: 10 Mac 2025 09:39 PM



Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad (tengah) bergambar pada Majlis Peluncuran Bulan Pertahanan Awam dan Wacana Nasional: Struktur dan Hala Tuju Kesukarelawanan Malaysia di Institut Semarak Felda (ISEF) hari ini. Turut sama, Ketua Pesuruhjaya Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Datuk Aminurrahim Mohamed (dua, kanan) / BERNAMA

KUALA LUMPUR, 10 Mac- Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) memperkukuh kawalan sepanjang Ramadan dengan menambah waktu kerja syif bagi melaksanakan 73 penugasan omnipresence di kawasan hotspot seluruh negara.

Ketua Pesuruhjaya APM, Datuk Aminurrahim Mohamed, memaklumkan bahawa kawasan tumpuan meliputi bazar Ramadan, lokasi berbuka puasa, pusat beli-belah, serta masjid dan surau.

"Kami menambah kepada empat syif bagi memastikan kehadiran anggota di lokasi yang sering dikunjungi ramai seperti pantai, pusat beli-belah, dan kawasan lapang berhampiran pusat komersial. Ketika ini, banyak insiden kemalangan kecil dilaporkan, dan kami bersedia untuk bertindak balas segera," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media Majlis Peluncuran Bulan Pertahanan Awam dan perasmian 'Wacana Nasional: Struktur dan Hala Tuju Kesukarelawanan Malaysia' yang disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad di Institut Semarak Felda, Kajang.

Sementara itu, Datuk Aminurrahim memaklumkan seramai 2,000 anggota APM ditugaskan di Sabah dan Sarawak bagi menjalankan operasi menyelamatkan serta membantu penduduk terjejas banjir.

Jelasnya, ketika ini, situasi banjir di kedua-dua negeri itu masih terkawal dengan kekuatan anggota sedia ada.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



2,000 anggota APM digerak bantu mangsa banjir Sabah, Sarawak

Raja Noraina Raja Rahim
rnoraina@hmetro.com.my



NORAINI (dua kanan) bersama Aminurrahim (dua kiri) merasmikan Majlis Peluncuran Bulan Pertahanan Awam dan Wacana Nasional. FOTO Hazreen Mohamad

Kajang: Kira-kira 2,000 anggota Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) ditugaskan bagi membantu mangsa banjir di Sabah dan Sarawak.

Ketua Pesuruhjayanya, Datuk Aminurrahim Mohamed berkata, ia membabitkan keseluruhan anggota pasukan termasuk sukarelawan yang berada di dua negeri berkenaan.

"Buat masa ini, situasi banjir di dua negeri terbabit masih terkawal dan jumlah anggota yang berada di sana sudah memadai untuk mengawal situasi serta membantu mangsa.

"Setakat ini, tiada keperluan untuk kita tambah anggota namun jika terdapat keperluan itu, kita (APM) akan pertimbangkan semula untuk menghantar anggota dari Semenanjung," katanya dalam sidang media selepas Majlis Peluncuran Bulan Pertahanan Awam dan Perasmian Wacana Nasional: Struktur serta Hala Tuju Sukarelawan Malaysia di sini, hari ini.

Majlis dirasmikan oleh Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad.

Turut hadir Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Khairus Masnan Abdul Khalid dan Ketua Pengarah Agensi Pengurusan Bencana Negara, Datuk Khairul Shahril Idrus.

Media hari ini melaporkan, situasi banjir di Sabah semakin buruk apabila jumlah mangsa yang dipindahkan menunjukkan peningkatan mendadak manakala di Sarawak jumlah mangsa turut meningkat sedikit.

Jumlah mangsa banjir yang dipindahkan ke pusat pemindahan sementara (PPS) di Sabah meningkat kepada 4,122 orang di lima daerah pedalaman yang dilanda banjir, awal pagi tadi, berbanding 3,569 mangsa malam tadi.

Sementara itu di Sarawak, jumlah mangsa banjir meningkat sedikit kepada 352 orang di empat PPS pagi tadi berbanding 347 orang malam tadi.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



53,000 OKU BERDAFTAR DI KELANTAN

🕒 10/03/2025 10:22 PM



fb Rohani Ibrahim

KOTA BHARU, 10 Mac (Bernama) -- Sebanyak 53,000 Orang Kurang Upaya (OKU) di Kelantan telah berdaftar di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat dsehingga Disember tahun lepas.

Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita negeri Rohani Ibrahim berkata jumlah itu menunjukkan peningkatan kesedaran dalam kalangan golongan OKU untuk mendaftar dan menyertai pelbagai inisiatif kebajikan serta sokongan yang disediakan oleh kerajaan.

"Mereka yang berdaftar ini dikategorikan dalam tujuh kumpulan iaitu penglihatan, pendengaran, pertuturan, fizikal, pembelajaran, mental dan pelbagai.

"Pendaftaran mereka dilakukan melalui penyelaras pembangunan OKU peringkat Parlimen, penghulu dan wakil rakyat," katanya kepada pemberita selepas Program Berbuka Puasa OKU Mahabbah di Dewan Pusat Tarbiyah Islamiah, Pengkalan Chepa, di sini hari ini.

Rohani berkata kerajaan negeri sentiasa komited memastikan kebajikan dan kesejahteraan golongan OKU terus terbela serta berusaha memberikan tumpuan terbaik kepada golongan itu.

Menurutnya, setiap tahun kerajaan negeri membelanjakan lebih RM20 juta bagi kebajikan golongan miskin, OKU dan anak yatim.

"Kerajaan negeri sedaya upaya menyediakan pelbagai bantuan dan kemudahan termasuk bantuan segera, pendidikan, perumahan, pembangunan, pertanian serta kursus keusahawanan," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Johor reaffirms commitment to eliminate hardcore poverty in the state by March

By REMAR NORDIN

ISKANDAR PUTERI: The Johor government has reaffirmed its commitment to eliminating hardcore poverty in the state, with a targeted timeline of March 25 to achieve zero cases.

Johor Islamic Religious Affairs Committee chairman Mohd Fared Mohd Khalid said the state government had identified 235 hardcore poor households as of Nov 3, 2024, and had launched an intensive effort to completely eradicate hardcore poverty by March this year.

He added that the state had successfully reduced its hardcore poverty rate to zero as of July 31, 2024, through coordinated efforts between the state government, elected representatives, government agencies, local councils, and district offices.

"The significant drop in hardcore poverty numbers was the result of a joint initiative involving all stakeholders.

"The state has implemented targeted programmes such as the 'Keluarga Angkat' initiative and 'Dapur Kasih Johor' to help struggling families increase their household income," he said.

He said this during a press conference after the Coordination Briefing on Eradicating Hardcore Poverty and the Johor Dapur Kasih 2025 Programme briefing at Kota Iskandar on Monday (March 10).

Also present was Johor women, family, and community development committee chairman Khairin-Nisa Ismail.

Mohd Fared emphasised that poverty is a dynamic issue and that continuous monitoring is necessary to prevent new cases from emerging.

He added that the state government has adopted a quarterly review approach to assess poverty levels instead of waiting for an annual review.

"We are dealing with live data, so there is no specific target for eradication. For example, if the sole breadwinner of a family passes away and those left behind have no other source of income, they will automatically be listed as hardcore poor.

"This proactive approach allows us to intervene early and provide timely support to those in need. Our ultimate goal is not just to eradicate hardcore poverty, but to ensure that no family falls back into hardship," he said.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm

TAJUK : DOKTOR DITAHAN SEMULA

HARI : SELASA

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 11 MAC 2025

M/SURAT : 05

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

BERKELAKUAN TAK SENONOH

Doktor ditahan semula

Georgetown

Seorang doktor perubatan sebuah hospital di sini yang ditahan kerana disyaki berkelakuan tidak senonoh terhadap pesakit Khamis lepas, ditahan semula semalam bagi melengkapkan siasatan terhadapnya.

Ketua Polis Daerah Timur Laut Asisten Komisioner Abdul Rozak Muhammad berkata tempoh tahanan reman lelaki berusia 43 tahun itu tamat semalam namun suspek ditahan semula susulan laporan polis ketiga dibuat terhadapnya Jumaat lepas.

"Lelaki itu ditahan semula di Ibu Pejabat Polis Daerah Timur Laut dan kita hendak melengkapkan siasatan kes berkaitan laporan ketiga dibuat seorang wanita yang

mendakwa dirinya juga menjadi mangsa.

"Doktor itu akan dibebaskan dengan jaminan selepas siasatan terhadapnya selesai. Kes disiasat di bawah Seksyen 509 Kanun Keseksaan dan Seksyen 14 Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil 1955," katanya.

Polis menahan pegawai perubatan itu di sebuah hospital di sini pada 9.30 malam 26 Februari selepas menerima maklumat daripada pihak hospital. Suspek direman sebelum dibebaskan dengan jaminan polis pada 2 Mac.

Bagaimanapun, suspek ditahan semula Khamis lepas selepas disyaki melakukan kesalahan sama terhadap seorang lagi pesakit wanita di sebuah klinik swasta di Pulau Tikus pada 2023 dan polis memperoleh perintah reman hingga hari ini.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : MAN, 76, CLAIMS TRIAL TO HURTING WIFE

HARI : SELASA

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

TARIKH : 11 MAC 2025

M/SURAT : 08

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

GRIEVOUS HURT CHARGE

Man, 76, claims trial to hurting wife

KUALA TERENGGANU: An elderly man pleaded not guilty at the Sessions Court here yesterday to causing grievous hurt to his wife.

The accused, 76, entered the plea after the charges were read out to him before judge Mohd Zul Zakiquudin Zulkifli.

According to the charge, the accused is alleged to have in-

tentionally caused serious injury to the 70-year-old woman at a house in Dungun on Feb 23 at 10pm.

He faces charges under Section 325 of the Penal Code, read together with Section 326A.

Section 325 provides for up to seven years in prison and a fine upon conviction, while Section 326A is punishable with a penal-

ty of twice the maximum sentence under Section 325.

The court set April 13 for case mention and set bail at RM8,000 for the accused.

The prosecution was led by deputy public prosecutor Nur Nabihah Hanin Ayim, while the accused was represented by a lawyer from the National Legal Aid Foundation.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : TINGGAL BAYI PEREMPUAN DALAM BEG ATAS BANGKU GARAJ

HARI : SELASA

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 11 MAC 2025

M/SURAT : 06

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Tinggal bayi perempuan dalam beg atas bangku garaj

Sungai Petani: Seorang bayi perempuan yang ditemukan dalam sebuah beg di atas bangku di garaj hadapan sebuah rumah di Taman Semarak di sini, kelmarin.

Ketua Polis Daerah Kuala Muda, Asisten Komisyoner Wan Azharuddin Wan Ismail berkata, pihaknya menerima laporan berhu-



Saksi memaklumkan dia terdengar bunyi tangisan pada jam 11 pagi dari dalam beg berkenaan"

Wan Azharuddin

bung penemuan bayi itu pada jam 11.39 pagi.

Menurutnya, ketika ditemui, bayi perempuan itu masih bertali pusat dan diletakkan dalam sebuah beg warna maroon atas bangku di garaj depan rumah berkenaan.

"Sejurus menerima panggilan, sepasukan pegawai dan anggota polis

melakukan pemeriksaan di lokasi penemuan bayi berkenaan.

"Saksi memaklumkan dia terdengar bunyi tangisan pada jam 11 pagi dari dalam beg berkenaan lalu membukanya sebelum menemui bayi perempuan dalam keadaan bogel.

"Wanita itu kemudian menghubungi polis dan

menutup bayi berkenaan yang kesejukan dengan sehelai lampin dan tuala," katanya.

Menurutnya, bayi itu dalam keadaan sihat dan bersih serta tiada sebarang kesan kecederaan lalu dihantar ke Hospital Sultan Abdul Halim (HSAH), di sini, untuk pemeriksaan kesihatan.

Katanya, pihaknya sedang melakukan semakan dengan klinik atau hospital untuk mendapatkan butiran ibu yang baru melahirkan anak dalam tempoh terdekat ini.

"Setakat ini tiada tangkapan dilakukan dan kes disiasat mengikut Seksyen 317 Kanun Keseksaan," katanya.